

**"Sejak penghujung 2014 hingga pertengahan tahun ini, kami menerima 14 laporan polis dibuat mangsa terhadap sindiket itu**  
Acryl Sani



**HARIAN METRO**

Hmetro  
118/16  
MIS 15

# 6 along ganas tersungkur

■ Polis tahan 6 ahli Geng 77 guna kekerasan terhadap peminjam

Nurul Hidayah Bahaudin

nurul.hidayah@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**K**umpulan kongsi gelap Geng 77 dikesan cuba 'mencuci' wang haram dimiliki dengan menawarkan khidmat pinjaman wang haram.

Suspek yang bergerak aktif sebagai ceti haram (along) kaya dikesan gemar menggunakan kekerasan terhadap peminjam yang gagal melunaskan hutang selain mengugut berpuluh mangsa.

Kegiatan jenayah dilakukan mereka dibongkar apabila se-

pasukan anggota polis Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman melakukan serbuan dan menahan enam individu dalam operasi di Ipoh, Perak, kelmarin.

Siasatan mendapati enam individu warga tempatan yang ditahan berusia lingkungan 22 hingga 48 itu terlibat aktif menjadi along sejak tujuh tahun lalu.

Pengarah JSJK Bukit Aman Datuk Acryl Sani berkata, semua suspek ditahan dalam operasi jam 11 pagi kelmarin, di sekitar Ipoh, Perak.

"Sejak penghujung 2014 hingga pertengahan

tahun ini, kami menerima

14 laporan polis dibuat

mangsa terhadap sindiket itu yang kerap menggunakan keke-



**FAKTA**  
Semua suspek ditahan reman selama 21 hari mengikut Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959

SEBAHAGIAN daripada 61 kad ATM milik mangsa, telefon bimbit dan kunci kereta yang dirampas.

rasan terhadap peminjam.

"Berdasarkan laporan itu, kami melancarkan operasi bagi mengesan enam individu ganas itu," katanya.

Acryl berkata sindiket berkenaan dikenal pasti sudah beroperasi sejak tujuh tahun lalu dengan menjalankan kegiatan pinjaman wang haram secara teran-

cang dan sistematik.

"Modus operandi sindiket berkenaan adalah memberikan pinjaman sehingga RM100,000 dengan kadar faedah pinjaman antara tujuh hingga lapan peratus sebulan kepada peminjam.

"Kebanyakan peminjam membabitkan ahli perniagaan dan individu perseorangan yang terdesak mahu men-

dapatkan wang," katanya.

Antara barangan yang dirampas dalam operasi berkenaan adalah enam kereta, 13 telefon bimbit, komputer riba dan 61 kad ATM dipercayai milik mangsa.

"Semua suspek ditahan reman selama 21 hari mengikut Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 bagi siasatan lanjut," katanya.

ANTARA kereta mewah milik ahli Geng 77 dirampas polis.

